



Headline: Panggil saja terus gelabah  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 21 February 2018

Language: Malay  
Section: Setempat  
Page: 66

# Panggil saja terus **gelabah**

■ **Mangsa penipuan Scam rugi RM1 juta  
terpedaya helah konon dipenjara, direman**

**Siti Nor Hidayatidayu Razali**  
sitinor@hmetro.com.my

## **Kota Bharu**

**T**erpedaya dengan helah kononnya bakal dipenjara dan reman selama 40 hari menyebabkan mangsa penipuan Macau Scam takut serta memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun sindiket hingga mengalami kerugian mencecah ratusan ribu ringgit.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan Superintendan Mohamed Zulmazi Che Daud berkata, sebaik mendengar mereka akan dipenjara dan direman untuk tempoh panjang menyebabkan mangsa terus mengikut semua ara-

han sindiket yang kononnya boleh menyelesaikan masalah itu.

Katanya, cara itu sebenarnya menyebabkan wang simpanan mangsa hilang dalam sekelip mata selepas memasukkan semuanya dalam akaun yang diberikan sindiket.

“Sepanjang tahun lalu hingga Januari lalu, 42 mangsa terpedaya dengan penipuan Macau Scam membabitkan kerugian lebih RM1 juta.

“Kebanyakan mangsa adalah penjawat awam dan usahawan wanita berusia 40 tahun ke atas termasuk mereka yang berpcen serta mempunyai kedudukan kewangan kukuh,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di IPK Kelantan di sini, semalam.

Beliau berkata, sindiket Macau Scam akan menghubungi mangsa secara rawak dengan menyamar se-

bagai pegawai bank dan memaklumkan mereka mempunyai tunggakan pinjaman peribadi yang tidak dijelaskan walaupun hakikatnya mangsa tidak pernah membuat sebarang pinjaman bank sebelum ini.

Katanya, pemanggil akan membaca maklumat mangsa secara terperinci dan mendakwa ia turut digunakan oleh pihak ketiga sebagai penama pinjaman peribadi hingga menyebabkan nama disenarai hitam.

“Suspek akan mengarahkan mangsa membuat laporan polis dengan segera dan menyambung talian kepada suspek kedua kononnya bertindak sebagai pegawai polis yang boleh mengambil laporan mangsa.

“Suspek kedua akan memaklumkan mangsa juga terbabit dengan pengubahan wang haram serta kesalahan dadah yang mencecah ratusan ribu ringgit,” katanya.

## **FAKTA**

**Sepanjang tahun lalu  
hingga Januari lalu,  
42 mangsa terpedaya  
dengan penipuan  
Macau Scam**